

2,500 pelajar terima tajaan MyBF TNB

Kosmo (Mgaa) 12/8/2021 (Khamis) m/s: 12.



PETALING JAYA – Seramai 2,500 pelajar akan menerima tajaan dermasiswa My Brighter Future (MyBF) Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi melanjutkan pengajian mereka di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pada tahun ini.

Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, jumlah tajaan tahunan setiap seorang di peringkat ijazah pertama berjumlah RM10,000, diploma (RM9,000) dan sijil (RM6,600).

“Pandemik Covid-19 yang memberi kesan kepada semua sektor ekonomi bukan penghalang untuk TNB meneruskan tajaan dermasiswa, biasiswa dan pinjaman pendidikan boleh ubah menerusi Yayasan Tenaga Nasional (YTN).

“Syarikat utiliti negara ini komited meneruskan tajaan untuk pelajar melanjutkan pendidikan bagi menyokong usaha meningkatkan modal insan ne-

gara dan membantu keluarga B40 keluar daripada kepompong kemiskinan,” katanya semalam.

Mahdzir berkata, dermasiswa MyBF diberi kepada pelajar tanpa permohonan dan temu duga, malah tiada bayaran balik selain calon yang layak dipilih daripada pengkalan data Bahagian Kemiskinan Pelajar IPTA-UPU Online.

Menurut beliau, padanan turut dibuat dengan keluarga dalam sistem Bank Data Kemiskinan Nasional e-Kasih.

Tambah beliau, dermasiswa MyBF adalah kerjasama TNB dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk mengenal pasti calon layak daripada keluarga berpendapatan rendah dengan membantu pelajar di tujuh universiti awam, politeknik dan kolej komuniti terpilih.

“Antaranya Universiti Teknologi Mara, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah, **Universiti Malaysia Pahang** dan Universiti Malaysia Perlis,” jelasnya.

Katanya, sejak diperkenalkan pada 2018 sehingga tahun lalu, lebih 5,000 pelajar telah menerima manfaat MyBF dengan peruntukan sebanyak RM66 juta.